KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

SYARAT DAN PERATURAN
ANUGERAH KHAS YB MENTERI PENGAJIAN TINGGI:
REKABENTUK KURIKULUM DAN PENYAMPAIAN INOVATIF (AKRI) 2022

(KATEGORI KURIKULUM PROGRAM PENGAJIAN INOVATIF)

DEFINISI KURIKULUM PROGRAM PENGAJIAN INOVATIF

Kurikulum inovatif merupakan program akademik yang memberikan penekanan terhadap reka bentuk kurikulum yang berasaskan hasil pembelajaran pelajar. Ini merangkumi pedagogi yang inovatif, pentaksiran alternatif dan persekitaran pembelajaran kondusif dan interaktif. Kurikulum ini memberikan inspirasi kepada pelajar menjadi lebih kreatif, kritis dan analitik bagi mencapai hasil pembelajaran yang responsif kepada perubahan serta keperluan negara dan global.

OBJEKTIF ANUGERAH

Anugerah kategori ini bertujuan mengiktiraf program akademik pendidikan tinggi (di semua peringkat pengajian) yang menekankan reka bentuk kurikulum secara inovatif dan kreatif sehingga berjaya melahirkan graduan yang berdaya tahan dan tersedia masa hadapan (*resilient and future-ready*).

SYARAT PERMOHONAN

1. Terbuka kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi program pengajian peringkat sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan kedoktoran yang menawarkan program secara kerja kursus atau mod campuran.

2. Permohonan terhad kepada tiga (3) penyertaan bagi setiap IPT.

© Hak Cipta Terpelihara Kementerian Pengajian Tinggi (Versi 4) 2022

KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan akan dinilai berasaskan aspek-aspek berikut:

i. Rasional (10%);
ii. Pendekatan (30%);
iii. Keterlibatan (20%); dan
iv. Impak / Keberkesanan (40%)

Rasional (10%)	i. Nyatakan rasional pembangunan kurikulum program akademik ini. ii. Jelaskan falsafah penggubalan kurikulum secara menyeluruh dari segi reka bentuk kurikulum dengan disokong oleh aspek pedagogi yang inovatif, pentaksiran alternatif dan persekitaran pembelajaran kondusif dan interaktif. iii. Sejauh mana perubahan yang dicadangkan mempunyai nilai tambah dan inspirasi kepada pelajar menjadi lebih kreatif, kritis dan analitik. iv. Bagaimana kurikulum yang dibangunkan berjaya melahirkan graduan yang berdaya tahan dan tersedia masa hadapan (*resilient and future-ready)*? v. Bagaimana reka bentuk kurikulum dapat menerapkan hasil pembelajaran program yang menepati perubahan semasa dan memenuhi keperluan pemegang taruh (institusi, badan akreditasi/badan profesional, industri, negara dan antarabangsa)?
Pendekatan (30%)	i. Bagaimana penjajaran konstruktif diterapkan dalam aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) program? ii. Senaraikan strategi inovatif yang diterapkan dalam aktiviti PdP program. iii. Bagaimana pelaksanaan kurikulum mengambil kira penyampaian (kandungan dan/atau kaedah penyampaian) dalam PdP yang inovatif? iv. Bagaimana pelaksanaan kurikulum mengambil kira pentaksiran dalam PdP yang menyokong hasil pembelajaran program?

© Hak Cipta Terpelihara Kementerian Pengajian Tinggi (Versi 4) 2022

Keterlibatan (20%)	i. Jelaskan sumber pendidikan (tenaga pengajar yang terlatih, fasiliti (infrastruktur dan infostruktur), ruang pembelajaran dan lain-lain) menyokong penyampaian kurikulum yang lebih efisien bagi melahirkan pelajar yang lebih inovatif. ii. Bagaimana pemegang taruh (pengurusan, industri, komuniti, penaja, alumni dan lain-lain) terlibat dalam mereka bentuk, membuat semakan semula kurikulum, pelaksanaan dan penilaian PdP?
Impak/Keberkesanan (40%)	i. Bagaimana kurikulum program ini berupaya melahirkan/menampilkan kemenjadian graduan? (Sertakan bahan yang berkaitan. Contoh laporan dan matrik pencapaian, laporan/maklum balas pemegang taruh dan alumni, video, laman web/blog/e-portfolio, dokumen dan sebagainya) ii. Sejauh manakah kurikulum ini memberikan impak kepada kualiti pembelajaran pelajar? iii. Senaraikan bilangan graduan yang berjaya mencipta pekerjaan atau syarikat pemula (*start-up)*. iv. Nyatakan peratusan pencapaian kebolehpasaran graduan dalam program. v. Nyatakan bilangan permohonan dan bilangan mendaftar bagi program ini.

NILAI ANUGERAH

Nilai Anugerah Kurikulum Program Pengajian Inovatif adalah seperti di bawah:

i. Tempat Pertama – Hadiah Wang Tunai Bernilai RM10,000
ii. Tempat Kedua – Hadiah Wang Tunai Bernilai RM5,000
iii. Tempat Ketiga – Hadiah Wang Tunai Bernilai RM3,000

Berserta sebuah piala dan sijil penghargaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

© Hak Cipta Terpelihara Kementerian Pengajian Tinggi (Versi 4) 2022